

# BELATI

KENYATAAN MEDIA

24 JUN 2024

**Untuk Siaran Segera**

---

## **BELATI WANGSA (M) SDN BHD DAN INSTITUT SULTAN ISKANDAR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA METERAI MOU KERJASAMA PENYELIDIKAN DAN INOVASI PENYENGGARAAN JALAN.**

Skudai, Johor - Syarikat konsesi penyenggaraan jalan, Belati Wangsa (M) Sdn Bhd (BWSB) dan Institut Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (ISI UTM) memetrahi memorandum persefahaman (MoU) kearah kemampanan serta kelestarian industri penyenggaraan jalan, hari ini. MoU tersebut merangkumi tiga aspek utama, iaitu Inovatif Bahan Kearah Teknologi Hijau, Sistem Pemantauan Masa Nyata (Real Time) dan Teknologi Kecerdasan Buatan (Ai), serta Perundingan Pembangunan Professional Pengurus Pengurusan Fasiliti Diperakui (CFMM).

Kerjasama selama tiga tahun tersebut bertujuan memanfaatkan sinergi antara kepakaran industri dan kecemerlangan akademik dengan memupuk inovasi, perundingan, penyelidikan, khususnya dalam bidang penyenggaraan jalan selain membangun modal insan melalui program latihan serta peluang latihan industri kepada pelajar universiti berkenaan.

Majlis menandatangani MoU itu berlangsung ringkas di Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM dan turut dihadiri Wan Jazmi Che Ismail Pengarah BWSB , Mohamad Akmal Johari Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Johawaki, Mohamad Solan Derani Ketua Pegawai Eksekutif BWSB, Profesor Madya Sr Dr. Abdullah Hisam Omar, Pengarah Eksekutif ISI, Profesor Sr Dr. Kherun Nita Ali, Dekan Fakulti Alam Bina & Ukur UTM, Professor Madya Dr. Suhaimi Bakar Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam UTM disaksikan Datuk Ir. Hamzah bin Hassan Pengurus Kumpulan Johawaki, Abdul Hadi Abdul Rahim Ketua Pegawai Pemasaran Kumpulan Johawaki dan Timbalan Pengarah 1 ISI Ar. IDr. Ts. Samsiah Binti Abdullah.

Ketua Pegawai Eksekutif BWSB, Mohamad Solan Derani berkata, "Kerjasama ini menandakan komitmen dan inisiatif syarikat memperluaskan hubungan dua hala dengan pelbagai sektor dan agensi dalam melaksanakan inovasi, kajian/penyelidikan, latihan serta pembangunan untuk meningkatkan kualiti dan tahap perkhidmatan jalan raya di Malaysia selaras dengan visi syarikat yang sentiasa komited memberikan perkhidmatan penyelenggaraan berkualiti melalui peningkatan tenaga mahir dan teknologi baharu setanding dengan konsesi jalan raya seumpamanya di peringkat antarabangsa".

# BELATI

---

Profesor Madya Sr Dr. Abdullah Hisam Omar, Pengarah Eksekutif ISI UTM amat berbesar hati dan berharap kolaborasi ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"UTM sebagai sebuah universiti penyelidikan utama di Malaysia yang berteraskan menginovasi penyelesaian sentiasa terbuka untuk menjalin kerjasama bersama pihak industri dan kita menyediakan fasiliti untuk membuat penyelidikan. Kerjasama dengan pihak industri sangat penting bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang teknikal disamping merupakan satu peluang yang signifikan bagi kedua-kedua pihak meneroka inovasi terkini yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat sejagat." menurut beliau.

"Kami juga berharap melalui hubungan kerjasama ini, akan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan hasilnya dapat diterjemahkan kepada penerbitan bersama, patent bersama dan pengkomersialan produk bersama antara kedua-dua organisasi", tambahnya lagi.

Berpengalaman selama 23 tahun dalam bidang penyelenggaraan jalan, BWSB sentiasa komited menjalankan pelbagai inisiatif dan aktiviti untuk pembangunan kompetensi serta penerapan amalan industri terbaik kejuruteraan dan penyenggaraan jalan dalam menjaga kualiti jalan raya seliaannya agar sentiasa terjamin dan selamat untuk pengguna.

**-TAMAT-**

---

## **Mengenai Belati Wangsa (M) Sdn Bhd**

Belati Wangsa (M) Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan di Negeri Perak. BWSB adalah anak syarikat milik penuh Johawaki Holdings Sdn Bhd, syarikat perusahaan bumiputera yang ditubuhkan sejak 1980-an.

Antara skop kerja utama dan kepakaran BWSB termasuk kerja-kerja penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala pavement & bukan pavement serta kerja-kerja kecemasan.

---

**Untuk maklumat lanjut sila hubungi;**  
Mohd Fitri Ghazali ; [fitri.ghazali@johawaki.com.my](mailto:fitri.ghazali@johawaki.com.my)  
**Jabatan Komunikasi Korporat**



**PRESS RELEASE**

**24 June 2024**

***For Immediate Release***

---

**BELATI WANGSA (M) SDN BHD AND SULTAN ISKANDAR INSTITUTE,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA SIGNS AN MOU FOR ROAD MAINTENANCE  
RESEARCH AND INNOVATION COLLABORATION.**

Skudai, Johor - Road maintenance concessionaire, Belati Wangsa (M) Sdn Bhd (BWSB) and Institute Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (ISI UTM) signed a memorandum of understanding (MoU) towards the sustainability and sustainability of the road maintenance industry, today. The MoU covers three main aspects, namely Innovative Materials Towards Green Technology, Real-Time Monitoring Systems and Artificial Intelligence (AI) Technology, as well as Professional Development Consultancy for Certified Facility Management Manager (CFMM).

The three-year collaboration aims to leverage the synergy between industry expertise and academic excellence by fostering innovation, consultancy, and research especially in the field of road maintenance as well as developing human capital through training programmes and industrial training opportunities for the university's students.

The MoU signing ceremony took place briefly at the Sultan Ibrahim Chancellery Building, UTM between Wan Jazmi Che Ismail, Director of BWSB and Associate Professor Sr Dr. Abdullah Hisam Omar, Executive Director of ISI, witnessed by Datuk Ir. Hamzah bin Hassan, Chairman of Johawaki Group, Abdul Hadi Abdul Rahim, Chief Marketing Officer of Johawaki Group, and Deputy Director 1 of ISI Ar. IDr. Ts. Samsiah Abdullah. Also present during the ceremony were Mohamad Akmal Johari, Deputy Chief Executive Officer of Johawaki Group, Mohamad Solan Derani, Chief Executive Officer of BWSB, Professor Sr Dr. Kherun Nita Ali, Dean of the Faculty of Built Environment & Surveying UTM, and Associate Professor Dr. Suhaimi Bakar, Dean of the Faculty of Civil Engineering, UTM.

BWSB Chief Executive Officer Mohamad Solan Derani said, "This collaboration signifies the company's commitment and initiative to expand bilateral relationships with various sectors and agencies in implementing innovations, studies/research, training, and development to improve the quality of road maintenance services in Malaysia in line with the company's vision of always being committed to providing quality road maintenance services through the

enhancement of skilled manpower and new technologies with comparable to similar road concessions at the international level"

Associate Professor Sr Dr. Abdullah Hisam Omar, Executive Director of ISI UTM is very pleased and hopes that this collaboration can benefit both parties.

"UTM as a leading research university in Malaysia based on innovative solutions is always open to collaborate with the industry players and we provide facilities to conduct research. Collaboration with industry is very important to produce excellent students in the technical field and act as a significant opportunity for both parties to explore the latest innovations that can benefit the community," he said.

"We also hope that through this collaborative relationship, there will be more research activities and the results can be translated into joint publications, joint patents, and joint product commercialization between the two organizations," he added.

With 23 years of experience in road maintenance, BWSB has always been committed to carrying out various initiatives and activities for competency development and applies industry best practices in road engineering and maintenance to maintain the quality of the roads under its supervision for a smoother travel experience for road users.

**-END-**



---

.....

### **About Belati Wangsa (M) Sdn Bhd**

Belati Wangsa (M) Sdn Bhd is a reputable road maintenance company engaged in road concession to maintain Malaysia's Federal roads in the state of Perak. BWSB is a wholly owned subsidiary of Johawaki Holdings Sdn Bhd, a bumiputera company established since the 1980s.

Among BWSB's main scope of work and expertise include routine maintenance works, periodic pavement & non-pavement maintenance as well as emergency works.

.....

**For more information please contact;**

**Mohd Fitri Ghazali ; [fitri.ghazali@johawaki.com.my](mailto:fitri.ghazali@johawaki.com.my)**

**Corporate Communications Department**